

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**'MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN SISTEM
ePROPER SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
PELAJARAN (SPP) NEGERI PERAK'**

PADA

19 FEBRUARI 2018 (ISNIN)

**BERTEMPAT DI
INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)
KAMPUS IPOH PERAK**

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Rosli bin Ahmad

Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Yang Berusaha Dr. Yahya bin Osman

Timbalan Pengarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh

Seterusnya Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas limpah dan kurniaNya, kita dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Pelancaran Sistem ePROPER Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi Negeri Perak. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta Kesudian Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh sebagai tuan rumah dalam merealisasikan pelancaran kita pada pagi ini.

2. Saya juga difahamkan selesai majlis pelancaran ini Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris akan menyampaikan sendiri taklimat ePROPPER kepada tuan-tuan dan puan sebagai Pengguna sistem ini yang terdiri daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Politeknik, Kolej Komuniti, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah-ekolah bertaraf Pusat Tanggungjawab (PTJ). Besarlah harapan saya kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini untuk memberikan tumpuan sepenuhnya kepada taklimat yang bakal diberikan agar urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang kali pertama menggunakan sistem ePROPER berjalan lancar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Dalam era perkembangan teknologi masa kini, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sentiasa komited dalam memastikan urusan perkhidmatan APP terus ditambah baik. Justeru di bawah Pelan Streategik ICT 2016-2020 dan melalui inisiatif transformasi perkhidmatan awam, Suruhanjaya ini memperkenalkan Sistem Proses Perkhidmatan atau ePROPER yang dibangun secara dalaman oleh pegawai SPP sendiri. Tujuannya utama sistem ini bagi memastikan perakuan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) dilakukan dengan mudah secara dalam talian. Empat (4) modul yang dibangunkan dalam sistem ini meliputi Pengesahan Pelantikan Tetap, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen.

4. Pengenalan sistem ini juga sebagai usaha menyahut seruan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak semasa menyampaikan amanat dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri baharu-baharu ini yang mahu menjadikan tahun ini sebagai tahun kejayaan dan tahun keberhasilan yang mengagumkan atau *'the year of success and the year of impressive result'* dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sehubungan itu, SPP

berharap melalui sistem ini, perakuan urusan perkhidmatan oleh Ketua Jabatan di Negeri Perak dapat dipermudah dan dipercepatkan yang akhirnya memberi manfaat kepada Anggota Perkhidmatan Pendidikan selaku pelanggan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sejak Sistem ePROPER dilancarkan secara rintis 2 bermula tahun 2017, bagi negeri-negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, urusan perkhidmatan yang diterima menggunakan sistem ini meningkat sebanyak 1,863. Daripada jumlah tersebut, 505 perakuan Pengesahan Pelantikan Tetap (PTP), Sembilan (9) urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP), 254 urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) dan 1,075 urusan Pemberian Taraf Berpencen (PTB). Saya percaya dengan pencapaian 1,863 urusan perkhidmatan yang dilaksanakan secara ePROPER ini, penggunaan sepenuhnya sistem ini menjelang Julai 2018 akan berjalan lancar. Insyallah

6. Justeru, dari jumlah urusan yang saya nyatakan sebentar tadi jelas membuktikan migrasi dari sistem manual kepada sistem ePROPER mampu mempercepatkan urusan perkhidmatan APP dan ianya selari dengan usaha Kerajaan

untuk mempertingkatkan lagi mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam menggunakan pendekatan terkini. Penggunaan sistem ini juga, akan dapat mengurangkan kos operasi dan meningkatkan efisiensi kerana semua urusan kini dapat dilakukan secara 'paperless' dan tidak seperti sebelum ini di mana semua dokumen berkaitan perlu dihantar ke SPP dalam bentuk 'hardcopy'.

7. Satu perkara penting yang ingin saya maklumkan, melalui sistem ini Ketua-Ketua Jabatan merupakan Pengguna Utama akan diberi kepercayaan dan tanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan hal-hal perkhidmatan pegawai di bawah selianya. Saya juga mengharapkan, sistem ini membentuk budaya pengemaskinian Buku Perkhidmatan dikalangan pegawai pengurusan sumber manusia di Jabatan, Politeknik, Kolej Komuniti dan sekolah-sekolah. Program naziran yang dilaksanakan oleh pegawai SPP di semua Pusat Tanggungjawab selepas pelaksanaan sistem ini akan mengukuhkan lagi penggunaannya dan dapat mengatasi isu kesilapan dan salahguna kuasa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Selaku Pengerusi Suruhanjaya, saya mengharapkan penggunaan sistem ePROPER yang akan dilaksanakan serta

merta di Negeri Perak ini akan dapat mengurangkan isu-isu perkhidmatan yang kerap dibincangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya. Sebagai makluman berikut adalah beberapa contoh isu-isu yang dibincangkan oleh Suruhanjaya:

Contoh 1: Kes pegawai yang sedang dalam tindakan tatatertib tapi dari segi rekod perkhidmatan Suruhanjaya mendapat beliau **diberi Pergerakan Gaji Tahunan walaupun telah berkhidmat melebihi 3 tahun dan belum disahkan dalam perkhidmatan.** Dalam kes seperti ini, Suruhanjaya akan mengarahkan perkhidmatan pegawai dibetulkan dan beliau perlu membayar semula gaji terlebih bayar.

Contoh 2: Kes pegawai yang belum diluluskan Pengesahan Pelantikan Tetap tapi diperakukan tindakan tatatertib. Dalam kes ini, nyata berlaku kecuaiian Ketua Jabatan yang tidak membuat Pengesahan Pelantikan Tetap sebaik sahaja pegawai melapor diri bertugas. Implikasinya prosiding tatatertib ke atas tidak sah dan Suruhanjaya memutuskan tawaran pelantikan kepada pegawai dibatalkan.

Contoh 3: Kes pegawai merayu tarikh kenaikan pangkat beliau ke Gred DG44 dikebelakangkan setelah tidak

berpuashati Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam meminda tarikh kenaikan mengikut tarikh semasa. Dalam kes ini, walaupun Suruhanjaya menolak rayuan pegawai, namun mendapati kesilapan diperingkat Ketua Jabatan mahupun Urusetia Lembaga Kenaikan Pangkat yang lewat mencatatkan dalam Buku Perkhidmatan bahawa pegawai pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji mengikut pasangan 3 tahun. Keadaan disedari apabila pegawai diperaku kenaikan pangkat secara timed based ke Gred DG48.

Banyak lagi kes-kes yang diterima oleh Suruhanjaya yang melibatkan kecuaiannya Ketua Jabatan, melaksanakan urusan perkhidmatan termasuk tidak mengemaskini Buku Rekod Perkhidmatan pegawai dibawah seliaan mereka.

9. Adalah menjadi harapan saya agar sistem ini dapat membantu memudahkan dan mempercepat proses kerja PTJ di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam mengemukakan perakuan urusan perkhidmatan APP pada masa akan datang. Melalui sistem ini juga diharap dapat menyokong usaha kerjasama strategik antara SPP dan KPM serta KPT sebagai pihak Ketua Perkhidmatan dalam memastikan urusan

perkhidmatan pendidikan adalah lengkap, teratur dan memenuhi kehendak pelanggan.

10. Sebelum saya menamatkan ucapan, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokong dan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta Kesudian Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh sebagai tuan rumah dalam merealisasikan pelancaran Sistem ePROPER bagi Negeri Perak. Diharapkan usahasama seperti ini akan dapat diteruskan di Negeri-negeri seterusnya. Justeru, dengan lafaz bismillahirrahmanirahim saya merasmikan Majlis Perasmian Pelancaran Sistem ePROPER Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi Negeri Perak Darul Ridzuan.

Sekian, terima kasih.